

Dr. Mahathir sahkan hadir

PUTRAJAYA 8 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengesahkan beliau akan menghadiri Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) minggu depan.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad berkata, bekas Presiden UMNO itu mengesahkan kehadiran beliau dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali melalui sepucuk surat yang diserahkan ke ibu pejabat UMNO semalam.

"Kita mengalu-alukan kehadiran Tun (pada Perhimpunan Agung UMNO)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet Kementerian Hal Ehwal Dalam Ne-

geri di sini hari ini.

Radzi yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata, kehadiran Dr. Mahathir adalah sebagai tetamu jemputan.

Sehubungan itu, katanya, bekas Perdana Menteri itu akan duduk di tempat duduk tetamu jemputan iaitu berdekatan dengan tempat duduk isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Manser.

Radzi tidak menjangkakan berlaku perkara 'luar biasa' berikutan kehadiran Dr. Mahathir pada perhimpunan itu.

Mengenai agenda pada perhimpunan tersebut, Radzi berkata, ia adalah sama sebagaimana sebelum ini iaitu melibatkan perbahasan uca-

pan dasar Presiden dan usul ekonomi serta pendidikan.

"Agenda perhimpunan sebagaimana sebelum ini dikekalkan. Tidak ada kita nak bagi orang menari dan menyanyi, tak ada," katanya.

Perhimpunan Agung UMNO ke-57 dari 13 hingga 17 November ini akan membabitkan 4,959 perwakilan termasuk Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri.

Sebanyak 2,554 perwakilan akan mewakili bahagian-bahagian UMNO dengan UMNO Bahagian Kinabatangan sahaja tidak menghantar perwakilan.

Turut diundang ialah wakil-wakil 33 buah parti politik dari 30 buah negara.